

**PERKAITAN ANTARA KONSEP KENDIRI DAN PENGINTEGRASIAN SOSIAL DALAM KONTEKS JENAYAH: SATU KAJIAN ULASAN SISTEMATIK**  
*(The Link between Self-Concept and Social Integration in the Context of Crime: A Systematic Review)*

**N.K. Tharshini<sup>1</sup>, Fauziah Ibrahim<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan  
Sarawak, Malaysia.

<sup>2</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi  
Selangor, Malaysia.

Emel: \*sstarshini@unimas.my, ifauziah@ukm.edu.my

**Article History:** Received 30 July 2019; Revised 5 December 2019;  
Accepted 24 December 2019

**ABSTRAK**

*Artikel ini disediakan bagi mengulas perkaitan antara konsep kendiri dan pengintegrasian sosial dalam konteks jenayah. Satu kajian ulasan sistematis telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat lengkap berkaitan konsep kendiri dan pengintegrasian sosial dengan menggunakan pangkalan data Elsevier, Sage and Google Scholar. Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dan pengintegrasian sosial terutamanya bagi individu yang pernah terlibat dengan salah laku jenayah. Hasil kajian memberi implikasi kepada pihak yang berkepentingan mengenai peranan faktor pelindung dalam mengurangkan kadar residivisme.*

**KATA KUNCI:** *konsep kendiri, pengintegrasian sosial, ulasan sistematis*

**ABSTRACT**

*This article is prepared to review the link between self-concept and social integration in the context of crime. A systematic review was conducted to obtain information regarding the link between self-concept and social integration in databases such as Elsevier, Sage and Google Scholar. The results indicate that there is a significant relationship between self-concept and social integration especially among individual who has involved in criminal activities. As an overall impact, the study provided implications to the concerned parties regarding the role of protective factors in order to reduce the recidivism rate.*

**KEYWORDS:** *self-concept, social integration, systematic review*

## **1.0 PENGENALAN**

Dimensi konsep kendiri telah digunakan secara meluas dalam bidang psikologi dan pembangunan manusia bagi menjelaskan secara mendalam mengenai persepsi dan tanggapan seseorang individu terhadap diri sendiri berdasarkan kepada pengalaman dan proses pembelajaran yang wujud dalam kehidupan mereka (Rogers & Charles 1951). Menurut Jenkins dan Demaray (2012) konsep kendiri yang positif menyebabkan seseorang banduan merasakan bahawa dirinya adalah sebahagian daripada persekitaran sosial walaupun pernah terlibat dengan perlakuan yang bertentangan dengan norma sosial.


Penelitian terperinci mendapati bahawa sebelum tahun 2000-an konsep pengintegrasian sosial lebih banyak digunakan dalam penyelidikan yang berfokus kepada kumpulan minoriti, individu yang mempunyai masalah kesihatan mental serta mangsa pelarian akibat daripada perperangan yang berlaku di sesebuah negara (Goffman 1963; Vaughan 2000; Barsky 2000). Sarjana Barat mendapati bahawa hanya selepas tahun 2000-an sahaja pengkaji-pengkaji dari negara Barat mula meneroka dimensi pengintegrasian sosial khususnya dalam kajian jenayah (Riley 2009; Beaver et al. 2009). Walaupun bukti empirikal menunjukkan bahawa faktor konsep kendiri dan faktor pengintegrasian sosial mempunyai perkaitan yang signifikan dalam mengurangkan kadar residivisme, namun dimensi ini masih kurang diteroka lagi dalam kajian jenayah khususnya di negara-negara Asian seperti Malaysia, Indonesia dan Singapura. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti perkaitan di antara dimensi konsep kendiri dan pengintegrasian sosial dari perspektif jenayah dan pembangunan komuniti.

### **1.1 Definisi Konsep Kendiri**

Konsep kendiri merujuk kepada persepsi seseorang individu terhadap diri sendiri berdasarkan kepada elemen personaliti, kebolehan dan perilaku (Shavelson et al. 1976). Menurut Marsh (1990) dan Siegrist (1996) konsep kendiri merupakan kepercayaan seseorang individu terhadap kebolehan dan kekuatan diri sendiri. Selain itu, Nasir et al. (2011) dan Marsh et al. (2014) mendefinisikan konsep kendiri sebagai kebolehan seseorang individu untuk menilai diri sendiri tanpa dipengaruhi oleh desakan luaran.

Menurut Shavelson et al. (1976) dan Steele (1988) konsep kendiri merupakan satu gagasan yang diperkembangkan menerusi pengalaman dan proses interaksi yang wujud dengan individu lain dalam persekitaran sosial. Tiga prinsip asas dalam konsep kendiri adalah; (i) individu mempersepsikan dirinya sebagai seorang manusia yang sempurna berdasarkan kepada nilai-nilai yang menjadi pegangan hidup, (ii) penilaian bersifat realistik dan holistik berdasarkan kepada pengalaman dalam kehidupan dan (iii) penilaian dilakukan berdasarkan kepada elemen penakulan (Jenkins & Demaray 2012).

Model konsep kendiri yang diperkenalkan oleh Rogers dan Charles (1951) menjelaskan bahawa elemen kendiri merujuk kepada “self” (saya) yang memberi gambaran keseluruhan mengenai diri sendiri. Rogers dan Charles (1951) menjelaskan konsep kendiri sebagai persepsi, tanggapan, trait personaliti, perasaan, sikap, nilai dan penerimaan individu terhadap diri sendiri berdasarkan kepada proses pembelajaran dan pengalaman yang wujud dalam kehidupan mereka. Menurut Rogers dan Charles (1951) konsep kendiri dapat dibahagikan kepada dua komponen utama iaitu; (i) konsep kendiri positif dan (ii) konsep kendiri negatif. Rajah 1 menunjukkan model pembentukan konsep kendiri.



Rajah 1: Model Pembentukan Konsep Kendiri (Yahaya et al. 2005)

### (i) Konsep Kendiri Positif

Konsep kendiri merupakan satu gagasan yang dikembangkan menerusi pengalaman dan proses interaksi yang wujud bersama individu lain dalam persekitaran sosial (Rogers & Charles 1951). Secara lazimnya, konsep kendiri/imej kendiri yang positif dapat dibentuk menerusi peneguhan, ganjaran dan pujian yang diterima daripada persekitaran sosial. Individu yang mempunyai konsep kendiri yang positif memiliki tahap keyakinan diri yang tinggi serta lebih percaya terhadap kemampuan dan kebolehan diri sendiri (Rogers & Charles 1951). Selain itu, menurut Yahaya et al. (2005) individu yang mempunyai konsep kendiri yang positif mampu menghadapi cabaran dalam kehidupan dengan tenang kerana memiliki sifat optimistik serta bersedia untuk menerima pandangan dan kritikan daripada orang lain.

### (ii) Konsep Kendiri Negatif

Konsep kendiri negatif terbentuk apabila seseorang individu kurang menerima kasih sayang dan perhatian yang sewajarnya serta sering dimarahi atau dipandang rendah oleh orang lain (Rogers & Charles 1951). Menurut Yahaya et al. (2005), individu yang mempunyai konsep kendiri negatif mempamerkan tingkah laku yang kurang memberangsangkan seperti cepat marah, mudah berasa rendah diri serta mempunyai kawalan kendiri yang rendah. Selain itu, Yahaya et al. (2005) turut menjelaskan bahawa individu yang mempunyai konsep kendiri yang negatif mempunyai personaliti maladaptif seperti suka mengasingkan diri daripada persekitaran sosial serta tidak selesa untuk berkomunikasi dengan orang lain.

## 1.2 Definisi Pengintegrasian Sosial

Istilah pengintegrasian sosial diperkenalkan oleh Emile Durkheim pada tahun 1897. Menurut Durkheim (1897) konsep pengintegrasian sosial merujuk kepada interaksi serta perapatan emosi yang wujud di antara individu dengan persekitaran sosial. Durkheim (1897) menjelaskan bahawa risiko untuk terlibat dengan aktiviti jenayah, cubaan membunuh diri serta kecenderungan untuk menghadapi masalah kesihatan mental adalah amat tinggi bagi individu yang gagal mengintegrasikan diri dalam persekitaran sosial. Leverenz (2011) menjelaskan bahawa pengintegrasian sosial merupakan satu proses yang mendorong seseorang individu

untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran sosial yang lebih luas tanpa berhadapan dengan isu stigma dan pelabelan. Selain itu, menurut Schwarzer et al. (1994) dan Turner (1999) pengintegrasian sosial merupakan suatu proses pemupukan nilai dan perhubungan positif dengan anggota masyarakat bagi meningkatkan rasa hormat antara satu sama lain.

Kajian yang telah dijalankan oleh Blau (1960) mendapati bahawa pengintegrasian sosial merupakan satu proses yang mampu mendorong seseorang individu untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran sosial yang lebih luas tanpa berhadapan dengan isu stigma dan pelabelan. Menurut Blau (1960) pengintegrasian sosial dapat dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu; (i) tarikan sosial, (ii) reaksi terhadap tarikan sosial dan (iii) mudah dihampiri.

#### **(i) Tarikan Sosial**

Secara amnya, seseorang individu akan menjadi sebahagian daripada anggota masyarakat sekiranya mempunyai tarikan sosial terhadap sesebuah komuniti. Menurut Blau (1960), tarikan sosial akan berlaku secara semulajadi sekiranya seseorang individu berkongsi nilai dan kepercayaan yang sama bersama ahli komuniti. Selain itu, untuk menjadi sebahagian daripada ahli komuniti individu perlu memiliki kemahiran komunikasi yang baik agar ianya boleh digunakan sebagai medium yang efektif bagi mempamerkan nilai-nilai positif yang terdapat dalam diri mereka (Blau 1960).

#### **(ii) Reaksi Terhadap Tarikan Sosial**

Bagi mengintegrasikan diri bersama ahli komuniti setiap individu perlu memahami tiga realiti utama iaitu; (i) setiap individu mempunyai ego masing-masing, (ii) tingkah laku setiap individu adalah berbeza antara satu-sama lain dan (iii) setiap individu mempunyai tarikan terhadap individu lain berdasarkan kepada tahap keserasian masing-masing (Blau 1960). Menurut Blau (1960), tarikan sosial yang positif akan mewujudkan reaksi yang baik dalam diri individu serta mendorong mereka untuk menjadi sebahagian daripada persekitaran sosial sebaliknya tarikan negatif menyebabkan individu mula mengasingkan diri daripada persekitaran sosial.

#### **(iii) Mudah Dihampiri**

Pengintegrasian sosial yang berjaya dapat dicapai sekiranya wujud interaksi yang positif antara satu individu dengan individu lain yang berada dalam persekitaran sosial yang sama (Blau 1960). Secara amnya, setiap individu perlu bersikap terbuka serta memberi peluang kepada individu lain untuk menghampiri diri mereka dengan mudah (Blau 1960). Selain itu, menurut Blau (1960) proses komunikasi yang bersifat terbuka mampu membantu ahli komuniti bagi mengenalpasti kekuatan dan kelemahan yang dimiliki oleh diri sendiri agar tahap keserasian masing-masing dapat dikenalpasti dengan jelas.


## **2.0 METODOLOGI KAJIAN**

Sebuah kajian ulasan sistematik dijalankan bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai perkaitan antara konsep kendiri dan pengintegrasian sosial. Kata kunci seperti “konsep kendiri”, “pengintegrasian sosial” dan “jenayah” ditemui dalam pangkalan data seperti *Elsevier*, *Sage* dan *Google Scholar* bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Beberapa kriteria pemilihan bahan bacaan telah ditetapkan terlebih dahulu bagi tujuan mendapatkan maklumat lengkap berkaitan dengan konsep kendiri dan pengintegrasian sosial

iaitu: (i) artikel/tesis/ulasan buku/analisis-meta/laporan tahunan yang telah diterbitkan dengan menggunakan medium elektronik dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris bermula daripada 1 Januari 1951 hingga 1 Januari 2019, (ii) data kualitatif yang merangkumi hasil temubual bersama dengan pegawai lapangan, pihak berkuasa polis, bekas banduan dan pegawai penjara serta (iii) kajian yang melibatkan sekurang-kurangnya 15 individu sebagai responden kajian (bagi mengurangkan bias yang berkaitan dengan kesahan dan kebolehpercayaan data serta saiz sampel yang tidak mencukupi).

Seterusnya, bagi tujuan menjalankan sebuah ulasan sistematik yang bersifat komprehensif beberapa kriteria pengecualiaan/pengguguran bahan bacaan juga telah ditetapkan terlebih dahulu iaitu: (i) artikel/tesis/ulasan buku/analisis-meta/laporan tahunan yang tidak lengkap berkaitan dengan konsep kendiri dan pengintegrasian sosial. Rajah 2 menunjukkan proses menjalankan ulasan sistematik dalam kajian ini.



Rajah 2: Proses Menjalankan Ulasan Sistematis

### 3.0 KEPUTUSAN KAJIAN

Berpandukan kepada ulasan sistematik yang telah dijalankan keputusan kajian yang diperolehi adalah seperti yang berikut:

#### 3.1 Perkaitan antara Konsep Kendiri dan Pengintegrasian Sosial

Dimensi konsep kendiri adalah penting bagi membantu banduan untuk berjaya dalam proses pengintegrasian sosial. Menurut Motzkin et al. (2012) dan Chan et al. (2013) konsep kendiri yang positif mampu meningkatkan tahap keyakinan banduan serta mengelakkan perasaan rendah diri apabila mengintegrasikan diri dalam persekitaran sosial sebaliknya konsep kendiri yang negatif menyebabkan banduan mula mengasingkan diri daripada persekitaran sosial disebabkan berasa malu untuk berhadapan dengan ahli komuniti kerana pernah terlibat dengan

kesalahan jenayah. Verrecchia et al. (2010) menyatakan bahawa banduan yang menerima sokongan sosial (ibu bapa, pasangan dan rakan sebaya) yang berterusan daripada persekitaran sosial akan mempunyai konsep kendiri yang positif serta mempamerkan kesungguhan untuk mengubah tingkah laku negatif yang terdapat dalam diri mereka. Selain itu, Verrecchia et al. (2010) turut menjelaskan bahawa banduan yang mempunyai konsep kendiri yang positif akan berasa lebih yakin untuk berinteraksi dan meluaskan jaringan sosial dengan ahli komuniti serta berpotensi tinggi untuk berjaya dalam proses pengintegrasian sosial.

Konsep kendiri yang positif mampu meningkatkan stimulasi banduan untuk mempamerkan personaliti diri yang baik agar diri mereka diterima sepenuhnya oleh ahli komuniti tanpa sebarang bentuk diskriminasi (Verrecchia et al. 2010). Graham et al. (2010) menyatakan bahawa konsep kendiri yang positif dapat membantu banduan untuk; (i) berfikiran secara terbuka semasa menerima kritikan negatif daripada persekitaran sosial, (ii) meningkatkan harga diri, (iii) meningkatkan kemahiran daya tindak, (iv) mengelakkan sikap mementingkan diri sendiri serta (v) meningkatkan sikap prihatin terhadap keperluan orang lain. Marsh (2008) mendapati bahawa pesalah juvana yang mempunyai konsep kendiri yang positif lebih bersedia untuk terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan, berusaha untuk menjalin hubungan yang baik dengan jiran tetangga dan ahli komuniti serta tidak mengasingkan diri daripada persekitaran sosial selepas keluar daripada institusi pemulihan akhlak.

Lindwall et al. (2011) menyatakan bahawa bekas pesalah dewasa yang mempunyai konsep kendiri yang negatif sukar mengadaptasikan diri dalam persekitaran sosial yang tertekan, tidak berasa selesa untuk berada dalam komuniti serta kerap mengasingkan diri daripada ahli keluarga dan rakan sebaya selepas keluar daripada penjara. Selain itu, menurut Chan et al. (2013) konsep kendiri yang negatif menyebabkan bekas pesalah lelaki mempunyai refleksi yang negatif terhadap diri sendiri, tidak mampu menyelesaikan konflik dalam kehidupan mereka serta kurang terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan bagi melindungi identiti diri sendiri. Gousheh et al. (2014) mendapati bahawa sebilangan besar daripada pesalah juvana yang pernah terlibat dengan kesalahan penyalahgunaan dadah mempunyai konsep kendiri yang negatif, tidak percaya terhadap kebolehan dan kekuatan diri sendiri serta tidak bersedia untuk kembali semula ke sekolah kerana bimbang memikirkan mengenai penerimaan guru dan rakan-rakan di sekolah.

Bukti empirikal menunjukkan bahawa konsep kendiri yang positif adalah penting bagi individu yang pernah terlibat dengan kesalahan jenayah memandangkan elemen ini mampu meningkatkan aspek-aspek berikut seperti; (i) kemahiran, (ii) ketekalan, (iii) nilai integriti dan (iv) sikap keterbukaan dalam diri banduan (Siegrist, 1996). Pada tahun 2016 satu kajian telah dijalankan terhadap bekas pesalah dewasa yang pernah ditempatkan di penjara Washington. Keputusan kajian menunjukkan bahawa bekas pesalah dewasa yang mempunyai konsep kendiri yang positif mempamerkan tahap keyakinan diri yang tinggi serta masih sedang berusaha untuk menyesuaikan diri dengan jiran tetangga dan saudara-mara selepas dibebaskan daripada penjara (Johanna et al. 2016). Menurut Manby et al. (2015) banduan lelaki berhadapan dengan masalah stigma yang lebih tinggi berbanding banduan wanita selepas dibebaskan daripada penjara. Keadaan ini menyebabkan banduan lelaki lebih mudah kehilangan harga diri (komponen konsep kendiri) serta gagal memainkan peranan yang bermakna dalam keluarga kerana tidak dihormati oleh ahli keluarga disebabkan pernah terlibat dengan salah laku jenayah.

Menurut pandangan Beaver et al. (2009) dan Turner et al. (2010) banduan yang mempunyai konsep kendiri yang negatif mempunyai persepsi buruk terhadap diri sendiri serta berisiko tinggi untuk terlibat semula dengan kegiatan jenayah seperti menghisap dadah dan mencuri

kerana gagal mengintegrasikan diri dalam persekitaran sosial sebaliknya banduan yang mempunyai konsep kendiri yang positif bersikap optimistik, percaya terhadap kebolehan diri sendiri, berkeyakinan tinggi, bersedia untuk mengubah tingkah laku negatif serta berpotensi tinggi untuk berjaya dalam proses pengintegrasian sosial. Seterusnya, Riley (2009) mendapati bahawa bekas pesalah wanita yang mempunyai konsep kendiri yang negatif berhadapan dengan kesulitan untuk mengintegrasikan diri dengan ahli keluarga kerana wujud rasa bersalah yang tinggi disebabkan pernah terlibat dengan salah laku jenayah sebaliknya Motzkin et al. (2012) menyatakan bahawa banduan wanita yang mempunyai konsep kendiri yang negatif akan mempunyai perasaan rendah diri serta rasa bersalah yang tinggi kerana telah memalukan nama baik keluarga.

#### **4.0 KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya dapat dirumuskan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan antara faktor konsep kendiri dan faktor pengintegrasian sosial khususnya bagi individu yang pernah terlibat dengan salah laku jenayah. Keputusan kajian menunjukkan bahawa banduan yang mempunyai konsep kendiri yang positif mempamerkan personaliti diri yang baik serta lebih bersedia untuk menghadapi cabaran dalam kehidupan mereka sebaliknya banduan yang mempunyai konsep kendiri yang negatif mudah berasa rendah diri, gagal memainkan peranan yang bermakna dalam kehidupan serta berhadapan dengan kesukaran untuk mengintegrasikan diri dalam persekitaran sosial.

Maklumat terperinci berkaitan dengan etiologi konsep kendiri dan pengintegrasian sosial yang dibekalkan dalam kajian ini diharap mampu meningkatkan lagi pengetahuan sedia ada berkaitan dengan dimensi konsep kendiri dan pengintegrasian sosial serta memberi bermanfaat kepada para penyelidik khasnya dalam bidang sains sosial untuk meneroka dan memahami dengan lebih jelas tentang kepentingan faktor pelindung dalam usaha membendung masalah resividisme dalam kalangan banduan.

#### **RUJUKAN**

- Barsky, R.F. (2000). Arguing and Justifying: Assessing the Convention Refugees Choice of Moment, Motive and Host Country. *The American Journal of Sociology*; 94: 95-120.
- Beaver, K.M., DeLisi, M., Mears, D.P. & Stewart, R. (2009). Low Self-Control and Contact with the Criminal Justice System in a Nationally Representative Sample of Males. *Justice Quarterly*; 26: 695-715.
- Blau, P.M. (1960). A Theory of Social Integration. *American Journal of Sociology*; 65: 545–56.
- Chan, H.C., Loh, T.W., Zhong, L.Y. & Chui, W.H. (2013). Criminal Integration of Incarcerated Male Nonviolent Offenders in Hong Kong. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*; 8-12.
- Durkheim, E. (1897). Suicide: Suicide a Study in Sociology. *Journal of Personality and Social Psychology*; 70: 1270–1280.

- Goffman, E. (1963). *Stigma: Notes on the Management of Spoiled Identity*. Middlesex: Penguin Books Ltd.
- Gousheh, A., Ziaaddini, H., Baneshi, M.R. & Nakhaee, N. (2014). Drug Use among Residents of Juvenile Correctional Center in Kerman, Iran, and its Relationship with Personality Dimensions and Self-Concept. *Addict Health*; 6(1-2): 22-9.
- Graham, J. & Haidt, E.I. (2010). Beyond Beliefs: Self-Concept and Social Integration. *Personality and Social Psychology Review*; 14: 140–150.
- Jenkins, L.N. & Demaray, M.K. (2012). Social Support and Self-Concept in Relation to Peer Victimization and Peer Aggression. *Journal of School Violence*; 11(1): 56-74.
- Johanna, B., Folk, D.M., June, T., Jeffrey, S. & Kelly, E.M. (2016). Connectedness to the Criminal Community and the Community at Large Predicts 1-Year Post-Release Outcomes among Felony Offenders. *European Journal of Social Psychology*; 11-18.
- Leverentz, R. (2011). *Barriers to Reintegration: Rehabilitation, Reentry and Reintegration*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Lindwall, M., Asci, F.H., Palmeira, A., Fox, K.R. & Hagger, M.S. (2011). The Importance of Importance in the Physical Self: Support for the Theoretically Appealing but Empirically Elusive Model of James. *Journal of Personality*; 79: 303-334.
- Manby, M., Jones, A.D., Foca, L., Bieganski, J. & Starke, S. (2015). Prisoners: Exploring the Impact of Self Appraisal of the Role and Status of the Imprisoned Person. *Europe Journal of Social Work*; 18: 228–245.
- Marsh, K.I. (1990). A Multidimensional, Hierarchical Model of Self-Concept: Theoretical and Empirical Justification. *Journal of Educational Psychology Review*; 2: 77-172.
- Marsh, H.W. (2008). The Elusive Importance Effect: More Failure for the Jamesian Perspective on the Importance of Importance in Shaping Self-Esteem. *Journal of Personality*; 76: 1081-1121.
- Marsh, H.W., Kuyper, H., Seaton, M., Parker, P.D., Moller, J. & Abduljabbar, A.S. (2014). Dimensional Comparison Theory: An Extension of the Internal/External Frame of Reference Effect on Academic Self-Concept Formation. *Contemporary Educational Psychology*; 39: 326–341.
- Motzkin, J.C., Philippi, C.L., Kirk, G.R., Newman, J.P. & Kiehl, O. (2012). Critical Thinning in Psychopathy, Self-Concept and Integration. *American Journal of Psychiatry*; 169: 743–749.
- Nasir, R., Zainah, A.Z., Rozainee, K. & Wan Shahrazad, W.S. (2011). Family Functioning, Self-Esteem, Self-Concept and Cognitive Distortion among Juvenile Delinquents. *The Social Sciences*; 6(2): 155-163.
- Riley, R. (2009). An Investigation of the Influence of Group Cohesiveness and Change in Self-Concept in a T-Group Setting. University of Rochesrer, New York.

- Rogers, C. & Charles, D.C. (1951). *The Psychology of Human Growth and Development*. Rein Holt New York.
- Schwarzer, R. & Hahn, A. (1994). Social Integration and Social Support in a Life Crisis: Effects of Macrosocial Change in East Germany. *American Journal of Community Psychology*; 6: 685-704.
- Shavelson, R.J., Hubner, J.J. & Stanton, R. (1976). Self-Concept: Validation of Construct Interpretations. *Journal of Educational Research*; 46: 407–441.
- Siegrist, I. (1996). The Influence of Self-Consciousness on the Internal Consistency of Different Scales. *Journal of Personality and Individual Differences*; 20: 115-117.
- Steele, U. (1988). The Psychology of Self-Affirmation: Sustaining the Integrity of the Self. *Journal of Social Psychology*. New York: Academic Press.
- Turner, R.J. (1999). *Social Integration and Support*. Handbook of the Sociology of Mental Health. New York: Kluwer/Plenum.
- Turner, S. & Jannetta, J. (2010). Are Sex Offenders Moving into Social Disorganization? Analyzing the Residential Mobility of California Parolees. *Journal of Research in Crime and Delinquency*; 47: 558-590.
- Vaughan, B. (2000). Punishment and Conditional Citizenship. *Punishment and Society*; 2 (1): 23-39.
- Verrecchia, P.J., Fetzer, M.D., Lemmon, J.H. & Austin, T.L. (2010). An Examination of Direct and Indirect Effects of Ecological Risks on Persistent Youth Offending. *Journal of Criminal Justice Review*; 35: 220-243.
- Yahaya, A., Yahya, F., Zakariya, Z. & Yahaya, N. (2005). *Pembangunan Kendiri*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2005.